MIDA

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2018

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2018

# KANDUNGAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 01 | MENGORAK LANGKAH MELEBIHI JANGKAAN | Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Dato' Azman Mahmud, mengimbau kembali kejayaan Malaysia dari segi pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan, serta agenda Industry4WRD, Platform Koordinasi Pelaburan dan pelancaran Portal i-Services MIDA. | 4 - 5 |
| 02 | MENGENAI MIDA | Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Carta Organisasi MIDA 2018 | 6 - 14 |
| 03 | PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN | Sektor perkilangan merupakan antara penyumbang utama kepada KDNK negara, di mana Dasar Kebangsaan bagi Industri 4.0 (Industry4WRD) menunjukkan petanda bagi permulaan baharu untuk sektor perkilangan di Malaysia. | 15 - 22 |
| | | Industry4WRD: Merevolusikan Industri Perkilangan Malaysia | 23 |
| 04 | PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKHIDMATAN | Sektor perkhidmatan adalah di antara penyumbang terbesar kepada KDNK negara di mana Kerajaan yang berfokuskan perniagaan telah memperkenalkan dasar-dasar yang mesra perniagaan. | 24 - 30 |
| | | Portal i-Services MIDA: Mengurangkan Kebergantungan terhadap Perkhidmatan Asing | 31 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **05** | MENJULANG KEJAYAAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA: PENGGALAKAN PELABURAN ASING | MIDA telah membangunkan pelan penggalakan pelaburan berfokuskan masa hadapan yang meningkatkan produktiviti dan daya saing Malaysia dengan terus menerajui agenda pelaburan kebangsaan melalui perlaksanaan program dan aktiviti penggalakan pelaburan di dalam dan luar negara. | *32 - 43* |
| | | Gerakan Usaha Baharu yang Menarik: Memorandum Persefahaman antara Malaysia dan Taiwan | *44* |
| **06** | MEMPERKASAKAN INDUSTRI TEMPATAN: PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK | MIDA sentiasa memastikan pelabur dan syarikat tempatan diberikan maklumat terkini mengenai dasar pelaburan dan peluang perniagaan melalui seminar, dialog serta bengkel dalam usaha meningkatkan peluang pelaburan domestik. | *45 - 61* |
| | | Siri Forum Taman Industri: Meningkatkan Standard Taman Perindustrian | *62 - 63* |
| **07** | PENYATA KEWANGAN | Penyata kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. | *64 - 98* |
| **08** | TEMUI MIDA | Alamat ibu pejabat, pejabat-pejabat MIDA di dalam dan di luar negara. | *99 - 101* |

# MENGORAK LANGKAH MELEBIHI JANGKAAN



**DATO' AZMAN MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA

Kecemerlangan MIDA dicerminkan oleh kemajuan ekonomi Malaysia, di mana 2018 merupakan tahun yang baik bagi ekonomi negara. Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.7% pada 2018 dan telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM204.3 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama menerusi 5,018 projek. Ini adalah peningkatan sebanyak 1.84 peratus berbanding tahun 2017. Menerusi projek-projek ini adalah dianggarkan sebanyak 129,734 peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Sektor perkilangan berkembang dengan pesat pada 2018, di mana jumlah pelaburan asing yang diluluskan mencatatkan peningkatan sebanyak 169.3% iaitu RM58 bilion pada 2018 berbanding RM21.6 bilion pada tahun 2017.

Sektor perkhidmatan mendahului sektor-sektor lain dari segi jumlah pelaburan yang diluluskan, iaitu sebanyak RM106.1 bilion menerusi 4,234 projek yang diluluskan.

Pelaburan yang diluluskan dalam sektor utama telah mencatatkan RM10.9 bilion melalui 63 projek pada 2018. Pelaburan domestik adalah sebanyak 60.8% (RM124.2 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala 39.2% atau RM80.1 bilion adalah daripada pelaburan asing. Nisbah pelaburan asing dan domestik membuktikan bahawa pelabur tempatan memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda pelaburan Malaysia.

Dasar Kerajaan yang mesra perniagaan dan hala tuju yang jelas adalah pendorong bagi peningkatan dalam pelaburan swasta. Ini diperkukuhkan lagi melalui sokongan dan maklumbalas yang positif dari industri.

## INDUSTRY4WRD: REVOLUSI TEKNOLOGI SETERUSNYA

Bagi mengekalkan momentum sektor perkilangan, MIDA memainkan peranan penting dalam revolusi Industry4WRD. Dasar Kebangsaan Industri 4.0 (Industry4WRD) adalah usaha Malaysia dalam menyahut cabaran Revolusi Industri Ke-4 (Industry 4.0) yang menggalakkan pelaburan yang berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berkualiti di Malaysia. MIDA menjalankan berkerjasama dengan pemain industri dan *technology solution providers* dalam membantu syarikat-syarikat tempatan mengadaptasi Industri 4.0. Dalam usaha kerajaan untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi syarikat-syarikat untuk terus berkembang maju, MIDA turut mengkaji semula dasar-dasar pelaburan meliputi geran dan insentif bagi memacu agenda Industry4WRD.

Dalam tempoh peralihan ke arah Industri 4.0 dan mengekalkan daya saing global, pembangunan bakat tempatan harus dipertingkatkan. MIDA memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda Pendidikan Teknikal dan Vokasional Kebangsaan (TVET). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menjangkakan permintaan terhadap pekerja TVET akan mencapai 1.3 juta pekerja menjelang tahun 2020. Oleh itu, MIDA telah melancarkan Program Perintis yang merupakan sebahagian daripada inisiatif bagi memenuhi keperluan tenaga kerja. Program tersebut merupakan kerjasama tiga-hala antara MIDA, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Kementerian Pendidikan. Ianya adalah usaha semua pihak dalam menangani isu kekurangan pekerja-pekerja berkemahiran teknikal terutamanya di dalam sektor perkilangan negara.

## MEMACU INDUSTRI MENCAPAI KECEMERLANGAN

MIDA sentiasa berusaha mencari jalan baharu bagi membantu syarikat tempatan dan perusahaan kecil dan sederhana (SME) mencapai potensi maksima mereka. Pada 2018, Platform Koordinasi Pelaburan (ICP) telah dilancarkan untuk membantu merapatkan jurang kewangan dan teknologi syarikat-syarikat tempatan. Bagi tujuan ini, Unit ICP berkerjasama rapat dengan firma ekuiti dan perunding serta badan-badan kawal selia dan pembekal teknologi tempatan. Kegiatan ICP termasuk pemadanan perniagaan serta penjanaan modal melalui hutang dan ekuiti, *mergers and acquisitions, divestments*, dan *initial public listings (IPO)*. Lebih daripada 160 syarikat pengilang, perkhidmatan dan pertanian serta 50 rakan teknologi dan pembiayaan strategik terlibat dalam aktiviti ICP. Setakat ini, 40 sesi mesyuarat (B2B) telah dilaksanakan bagi membincangkan kerjasama strategik diantara syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan.

## MEMBUKA PELUANG DAN MEMPERKASA INDUSTRI

Eksport sektor perkhidmatan menunjukkan peningkatan walaupun kecil berbanding import sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan tempatan di kalangan pengusaha dan pengeluar serta mengurangkan kebergantungan terhadap import, MIDA telah memperkenalkan Portal i-Services iaitu satu platform yang menghubungkan pembekal perkhidmatan tempatan dengan pelanggan berpotensi seterusnya membantu syarikat-syarikat tempatan mengembangkan pasaran dan perniagaan mereka.

Selain menggubal dasar dan inisiatif bagi menggalakan pelaburan dan meningkatkan pertumbuhan negara, MIDA bekerja keras memastikan kesemua inisiatif ini dilaksanakan melalui perbagai jenis program seperti persidangan dan misi-misi projek yang dijalankan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara program-program ini adalah, program *outreach* dan penggalakan pelaburan termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Projek Khas, Siri Pelaburan MIDA, Forum Kawasan Perindustrian dan Program Hubungan Industri. Di samping itu juga, pelbagai inisiatif dijalankan melalui Meja Pelaburan SME di pejabat-pejabat MIDA negeri.

Usaha untuk mengekalkan persekitaran perniagaan yang kondusif merupakan tugas yang mencabar kerana ketidaktentuan ekonomi global yang sentiasa berubah. MIDA berusaha dari segala sudut bagi mewujudkan persekitaran pelaburan yang memanfaatkan syarikat-syarikat luar negara dan tempatan. MIDA bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi bagi meningkatkan potensi syarikat tempatan untuk berkembang maju. Visi MIDA untuk Malaysia adalah untuk meletakkan standard yang tinggi melalui polisi kerajaan dan strategi perniagaan, pemikiran futuristik serta persekitaran yang mesra perniagaan.

# MENGENAI
# MIDA



# MIDA CEMERLANG

## TERIMA KASIH DAUN KELADI

MIDA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MIDA yang telah melengkapkan perkhidmatan pada pertengahan tahun 2018. Sepanjang tempoh tersebut, MIDA telah diterajui dengan cemerlang bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, malah laluan ke sasaran yang seterusnya juga telah dilaraskan.



**YBHG. TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**
**Pengerusi**
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)



**YBHG. DATO' KHODIJAH ABDULLAH**
**Setiausaha**
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan



**YBHG. DATUK HAJI HASHIM PAIJAN**
**Setiausaha Tetap**
Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah



**YBHG. DATO' GOOI SOON CHAI**
**Naib Presiden Kanan**
Keysight Technologies Inc.
**Presiden**
Electronic Industrial Solutions Group



**YM TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ**
**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**
CIMB Group Holdings Bhd
**Ketua Pegawai Eksekutif**
CIMB Bank Berhad



**MR. STUART L. DEAN**
**Penasihat Kanan**
ASEAN Advisory Pte Ltd



**MS. ANNA MARIA BRAUN**
**Presiden**
Asia Pacific B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.



**MR. MANOJ MENON**
**Rakan Kongsi Kanan & Pengarah Urusan**
Asia Pacific Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn. Bhd.



**YBHG. DATO' LUA CHOON HANN**
**Pengarah Urusan**
Kumpulan PRG Holdings Berhad



**YBHG. DATU HAJI ISMAWI BIN HAJI ISMUNI**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)



**PUAN NORZILA BINTI ABDUL AZIZ**
**Penolong Gabenor**
Bank Negara Malaysia



**YBHG. TAN SRI SAW CHOO BOON**
**Mantan Presiden**
Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)

# PERALIHAN TAMPUK KEPIMPINAN

Ahli Lembaga MIDA yang terbaharu telah bersedia untuk menggalas tanggungjawab besar dari tampuk kepimpinan terdahulu. Kepimpinan baharu ini diberi tugas untuk terus meneraju MIDA dengan cemerlang bagi mencapai visi dan misinya.



**YBHG. DATO' AZMAN MAHMUD**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
(10 Februari 2014 - Sehingga kini)



**YBHG. DATUK ISHAM BIN ISHAK**
**Ketua Setiausaha**
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



**MR. MA SIVANESAN S/O MARIMUTHU @ MUTHIAH**
**Setiausaha**
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan



**ENCIK MARZUNISHAM OMAR**
**Penolong Gabenor**
Bank Negara Malaysia



**YBHG. DATO' SOH THIAN LAI**
**Presiden**
Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)



**ENCIK NORDIN BIN ENING**
**Pengerusi**
Sabah Cross Border Trade Association



**YBHG DATUK PUA KHEIN SENG**
**Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengerusi**
Phisontech Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.



**ENCIK NIP WING HON @ JOHN NIP**
**Pengarah Urusan**
Sipadan Mangrove Resort Sdn. Bhd.



**YBHG. DATUK SERI AZMAN BIN UJANG**
**Pengerusi**
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)



**YBHG. DATUK ICHIRO SUZUKI**
**Pengarah Urusan**
Hiro Food Packages Manufacturing Sdn. Bhd.



**YBRS. DR. MUHAMMED BIN ABDUL KHALID**
Penasihat Ekonomi
YAB Perdana Menteri
Pejabat Perdana Menteri

# KEPIMPINAN **BERWAWASAN**

Bersandarkan pengalaman dan pengetahuan yang mendalam terhadap industri dan bidang masing-masing, pengurusan MIDA terus memimpin MIDA dalam merangka serta melaksanakan inisiatif dan strategi ke arah wawasan MIDA

## PENGURUSAN TERTINGGI



**DATO' AZMAN MAHMUD**
**Ketua Pegawai Eksekutif**



**DATUK N. RAJENDRAN**
**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I**



**ARHAM ABDUL RAHMAN**
**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II**
(Daripada 15 Mac 2018)



**AZIAN MOHD YUSOF**
**Pengarah Eksekutif Kanan**
Perancangan Strategik & Pembangunan
(Sehingga 6 Julai 2018)



**ZABIDI MAHBAR**
**Pengarah Eksekutif Kanan**
Perancangan Strategik & Pembangunan
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah Eksekutif**
Perancangan Strategik (Perkilangan)
(Sehingga 31 Oktober 2018)



**MOHAMED ZUHARI MOHAMED NOR**
**Pengarah Eksekutif**
Perkhidmatan
Pengurusan Korporat



**AHMAD KHAIRUDDIN ABDUL RAHIM**
**Pengarah Eksekutif**
Pembangunan Perkilangan
(Sumber)



**LIM BEE VIAN**
**Pengarah Eksekutif**
Perancangan Strategik
(Perkhidmatan)



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**
**Pengarah Eksekutif**
Pasca Pelaburan
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah Eksekutif**
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)
(Sehingga 31 Oktober 2018)



**S.SIVASURIYAMOORTHY A/L SUNDARA RAJA**
**Pengarah Eksekutif**
Penggalakan Pelaburan
(Daripada 1 Oktober 2018)
**Pengarah Eksekutif**
Pasca Pelaburan
(Sehingga 30 September 2018)



**JASBIR KAUR A/P BACHAN SINGH**
**Pengarah Eksekutif**
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah**
Pembangunan Organisasi & Strategi Korporat
(Sehingga 31 Oktober 2018)
**Pengarah**
Teknologi Pengangkutan
(Sehingga 26 Ogos 2018)



**CHOO WAI MENG**
**Pengarah Eksekutif**
Perancangan Strategik (Perkilangan)
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah**
Perancangan Strategik & Advokasi Dasar (Perkilangan)
(Sehingga 31 Oktober 2018)
**Pengarah**
Statistik Pelaburan
(Sehingga 1 Julai 2018)



**ROESLINA ABBAS**
**Pengarah Eksekutif**
Pembangunan Perkhidmatan
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah**
Perkhidmatan Bisnes dan Inovasi Rantaian Bekalan
(Sehingga 21 Oktober 2018)

# PENGURUSAN MIDA



**MOHD RASLI MUDA**
**Pengarah**
Teknologi Makanan & Industri Berasaskan Sumber



**FARIDAH ABDULLAH**
**Pengarah**
Jentera & Logam
(Sehingga 30 September 2018)



**SHAHROL SHAHABUDIN**
**Pengarah**
Jentera & Logam
(Daripada 1 November 2018)
**Pengarah**
Penjagaan Kesihatan, Pendidikan & Hospitaliti
(Sehingga 31 Oktober 2018)



**UMARANI A/P MUNIANDY**
**Pengarah**
Kimia & Bahan Termaju



**BALKISH MOHD YASIN**
**Pengarah**
Sains Hayat & Teknologi Perubatan



**RASHIDAH OTHMAN**
**Pengarah**
Pejabat Penyeragaman & Penyelarasan Insentif (ICCO)
(Sehingga 12 Oktober 2018)
**Pengarah**
Perancangan Strategik & Advokasi Dasar (Perkilangan)
(Sehingga 1 Mei 2018)



**WAN HASHIMAH WAN SALLEH**
**Pengarah**
Teknologi Hijau



**MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR**
**Pengarah**
Pengurusan Talent Industri dan Ekspatriat



**ZUAIDA ABDULLAH**
**Pengarah**
Perancangan Strategik
& Advokasi Dasar
(Perkhidmatan)



**NORMI ALIAS**
**Pengarah**
Pengurusan Sumber
Manusia



**RAMLI BAKAR**
**Pengarah**
Pengurusan Korporat



**NOR'AINI MAT TALHA**
**Pengarah**
Sekretariat Pelaburan
Nasional



**NAJIHAH ABAS**
**Pengarah**
Teknologi Bangunan
& Gaya Hidup



**NOOR AIEDA AHMAD**
**Pengarah**
Sokongan Pasca-
Pelaburan & Infrastruktur



**JEYASIGAN A/L**
**P.NARAYANAN NAIR**
**Pengarah**
Teknologi Termaju dan
Penyelidikan & Pembangunan



**NELSON A/L SAMUEL WILSON**
**Pengarah**
Penggalakan Pelaburan Asing



**ZAHIRUL ISHAK**
**Pengarah**
Teknologi Pengangkutan
(Daripada 27 Ogos 2018)



**WAHIDA ABDUL RAHMAN**
**Pengarah**
Perkhidmatan Bisnes dan
Inovasi Rantaian Bekalan
(Daripada 22 Oktober 2018)



**AZLINA HAMDAN**
**Pengarah**
Elektrikal & Elektronik



**AHMAD TAJUDDIN OMAR**
**Pengarah**
Penyelarasan Pelaburan Domestik
& Rantaian Bekalan
(Sehingga 16 Disember 2018)



**SIKH SHAMSUL IBRAHIM**
**SIKH ABDUL MAJID**
**Pengarah**
Penyelarasan Pelaburan Domestik
& Rantaian Bekalan
(Daripada 24 Disember 2018)



**MASNI BINTI MUHAMMAD**
**@ MOHAMED**
**Pengarah**
Minyak & Gas dan
Teknologi Maritim



**AIZAH ABDULLAH**
**Pengarah**
Statistik Pelaburan
(Daripada 1 November 2018)



**ZALINA ZAINOL**
**Pengarah**
Komunikasi Korporat



**MANJIT KAUR A/P BALKAR SINGH**
**Pengarah**
Penjagaan Kesihatan, Pendidikan & Hospitaliti (Daripada 1 November 2018)



**AHMAD ZAKUAN GHAZALI**
**Pengarah**
Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat



**HAZLI JEMAAT @ HASSAN**
**Ketua Seksyen**
Seksyen Tarif



**ZURAIDAH OTHMAN**
**Ketua Seksyen**
Seksyen Pematuhan & Pemantauan Pelesenan dan Galakan



**ZIL MUKHRIZ SULONG**
**Ketua Seksyen**
Seksyen Perundangan & Hubungan Kerajaan



**MOHD ZAHARIN JAMARIS**
**Timbalan Pengarah Kanan**
Pengurusan Kewangan dan Akaun



**MEGAT FAIZAL MOHAMAD ZABRI**
**Ketua Unit**
Unit Audit Dalam & Tadbir Urus

# MELIPUTI SELURUH ORGANISASI

Dalam memastikan setiap keutamaan diuruskan dengan baik, adalah penting bagi setiap fungsi MIDA dapat dilaksanakan secara efisien dan efektif. Sehubungan itu, hirarki yang kukuh dan seimbang diperlukan bagi memudahkan pihak pengurusan tertinggi memantau secara menyeluruh, sementara eksekutif-eksekutif kanan menjalankan tugas di peringkat operasi secara terperinci.

## MIDA CARTA ORGANISASI 2018



# PERSPEKTIF MENYELURUH

Visi dan misi MIDA tetap kekal utuh dalam kerancakan perubahan persekitaran pelaburan dan perdagangan dari semasa ke semasa. Strategi-strategi sentiasa ditambah baik seiring peredaran masa, namun keutamaan dan janji yang telah digariskan untuk negara tetap tidak berubah. Dengan bersasarkan matlamat jangka panjang dan pendek, MIDA kekal fokus biar apa jua cabaran.

## Identiti Kami

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merupakan agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti). Dahulunya dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, MIDA ditubuhkan sebagai badan berkanun pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada tahun 2011, akta tersebut dipinda menjadi Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 selaras dengan pelancaran Model Ekonomi Baru. Akta yang dipinda ini menggariskan fungsi MIDA sebagai sebuah organisasi.

Fungsi yang diliputi MIDA adalah seperti berikut:

- Meneraju, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan kajian dan perancangan berhubung hal-hal berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti);
- Menasihati Kerajaan mengenai dasar berkaitan penggalakan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) yang meliputi:
  - Pengeluaran lesen pengilang
  - Insentif kepada pelabur yang berkelayakan di Malaysia
  - Jawatan ekspatriat
  - Pengenaan atau pemindaan serta pengecualian daripada duti kastam
  - Kemudahan-kemudahan fiskal atau bukan fiskal yang lain
- Merangka langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti);
- Menyelaras dan memudahkan aktiviti berkaitan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di peringkat persekutuan dan negeri;
- Menawarkan perkhidmatan rundingan meliputi latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain, sejajar dengan objektif. Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti);
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia meneroka peluang pelaburan dan memperoleh teknologi dari luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berkaitan pelaburan merentasi semua sektor ekonomi;
- Menyediakan laporan berkala kepada Menteri mengenai kemajuan dan isu-isu berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) serta mengemukakan cadangan bagi mengatasi isu-isu tersebut;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selari dengan Akta MIDA berdasarkan arahan Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya, menjalankan semua perkara perkara berkaitan dan berbangkit dalam melaksakan kuasa dan fungsi di bawah akta ini.

# PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN





Tahun 2018 menunjukkan petanda bagi permulaan baharu sektor perkilangan. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelancaran dasar kebangsaan industri 4.0 bagi menyokong usaha Kerajaan memacu transformasi digital bagi sektor ini dan sektor perkhidmatan yang berkaitan. Sektor perkilangan merupakan antara penyumbang utama KDNK negara, selaras dengan trend sepanjang tempoh lima tahun yang lalu di mana sektor ini menyumbang 22 peratus kepada KDNK negara. Sehubungan itu, sektor ini berpotensi memacu ke arah peralihan Industri 4.0 yang mampan, di mana sinergi elemen digital, fizikal dan biologi memodenkan sektor perkilangan dan membantu menggerakkan agenda Industry4WRD.

Arah aliran yang menggalakkan bagi transformasi digital akan menggalakkan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan. Disokong dengan kestabilan ekonomi negara dan rangkaian perdagangan yang luas, pelabur asing akan memperoleh peluang pelaburan yang baharu serta mewujudkan pasaran alternatif di Malaysia.

MIDA menyambut baik usaha pelabur domestik dan asing membangunkan projek pengilangan di Malaysia dengan menawarkan pelbagai program insentif serta fasilitasi. Dengan adanya projek-projek ini, peluang untuk mewujudkan kerjasama perdagangan melalui perjanjian dua-hala dan pelbagai hala bagi pengilang yang berorientasikan eksport dapat direalisasikan.

# PRESTASI TAHUN 2018 YANG MEMBANGGAKAN

Walaupun menghadapi persaingan sengit di peringkat global, prestasi sektor perkilangan Malaysia bagi tahun 2018 telah meningkat secara mendadak berbanding tahun sebelumnya. Sektor perkilangan mencatat pelaburan sebanyak RM87.3 billion pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 37.2 peratus berbanding RM63.7 bilion pada tahun 2017. Lapan industri yang mendahului kedudukan dan menunjukkan prestasi yang tinggi adalah produk petroleum termasuk petrokimia; produk logam asas; produk E&E; kertas, percetakan dan penerbitan; kimia dan produk kimia; produk getah; produk M&E; dan produk mineral bukan logam. Kesemua industri ini merekodkan pelaburan sebanyak RM78.3 bilion yang merupakan 88.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

## Sorotan Penting Sektor Perkilangan pada Tahun 2018

### Prestasi Keseluruhan

**RM87.3 bilion**
Jumlah Pelaburan yang Diluluskan

**37.2%**
Lebih daripada RM63.7 pada Tahun 2017

**70.7%**
Pelaburan Diluluskan bagi Projek Baharu

**RM61.8 bilion**
Jumlah Pelaburan Diluluskan bagi Projek Baharu

### Industri yang Menunjukkan Prestasi Terbaik pada Tahun 2018

**RM32.9 bil**
Produk petroleum termasuk petrokimia

**RM13.1 bil**
Produk Logam Asas

**RM11.2 bil**
Produk E&E

**RM5.4 bil**
Kertas, Percetakan & Penerbitan

**RM5.0 bil**
Kimia & Produk Kimia

**RM4.6 bil**
Produk Getah

**RM2.4 bil**
Jentera & Peralatan (M&E)

**RM2.4 bil**
Produk Mineral Bukan Logam

Lapan Industri Ini Menyumbang **88.2%** kepada Jumlah Pelaburan Diluluskan

# ERA INDUSTRY4WRD

Untuk mengekalkan momentum ekonomi dan menggerakkan sektor perkilangan ke era penumpuan teknologi, Kerajaan telah menunjukkan komitmen dalam peralihan ke arah digitalisasi dan automasi dengan memperkenalkan Dasar Kebangsaan Industri 4.0, atau Industry4WRD. MIDA berperanan menyelaras dasar Industry4WRD dengan memperkenalkan syarikat-syarikat tentang penggunaan teknologi pintar melalui seminar, sesi dialog bersama dewan perniagaan, sesi taklimat bersama persatuan perniagaan, bengkel dan persidangan pembekal yang dihadiri oleh syarikat MNC dan PKS.

Dengan mengenal pasti serta bekerjasama dengan pembangun teknologi dan penyedia penyelesaian yang mahir dalam bidang robotik, automasi dan *Industrial Internet of Things (IIoT)*, MIDA berperanan sebagai rakan kongsi antara pemain-pemain industri.

MIDA membantu pemain-pemain industri tempatan mengadaptasi elemen Industri 4.0 dalam operasi mereka dengan menganjurkan Pameran MIDA-IME Industri 4.0 bersama IME Group of Organisers, Dassault Systèmes dan Robert Bosch di ibu pejabat MIDA. Pameran tersebut telah memaparkan pelbagai elemen teknologi seperti simulasi, perkilangan aditif, integrasi sistem, digitalisasi, *cloud computing, Internet of Things (IoT)* dan analisis data.

## PELUANG KEEMASAN BAGI PELABUR

Dalam persediaan menerima pelabur asing dan domestik, MIDA telah menjadi pemudah cara kepada syarikat tempatan melalui pelbagai program insentif dan fasilitasi untuk mengadaptasi Automasi dalam fasiliti pengilangan mereka. Salah satu program insentif tersebut ialah Elaun Modal Automasi yang telah diperkenalkan dalam Bajet 2015 dan semenjak itu, MIDA telah meluluskan sebanyak 139 permohonan Elaun Modal Automasi pada tahun 2018.

Sebanyak 139 penerima insentif Elaun Modal Automasi telah melabur lebih daripada RM250 juta dalam mengautomasikan operasi dan proses pengilangan. Pelaburan ini telah mempercepatkan proses pengeluaran keseluruhan dengan purata sebanyak 140 peratus dengan purata penambahbaikan kualiti sebanyak 60 peratus.

Tahap perbelanjaan yang layak bagi penerima insentif ini bergantung kepada kategori industri pemohon. Industri berintensifkan buruh (Kategori I) seperti produk getah, plastik, kayu, perabot, dan tekstil layak menerima Elaun Modal Automasi sebanyak 200 peratus untuk RM 4 juta pertama bagi perbelanjaan yang layak. Lain-lain industri (Kategori II) seperti fabrikasi logam atau produk elektrik dan elektronik (E&E) pula layak menerima Elaun Modal Automasi sebanyak 200 peratus untuk RM2 juta pertama bagi perbelanjaan yang layak.

- Dengan penumpuan teknologi bergerak maju sepanjang era Industry4WRD, MIDA telah mengambil langkah proaktif dalam memacukan Automasi dan Digitalisasi.
- Sebanyak 139 permohonan Elaun Modal Automasi diluluskan setakat tahun 2018.

## PROJEK BERINTENSIFKAN MODAL MENDAHULUI KEDUDUKAN

Sejumlah 81 Projek berintensifkan modal dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta setiap satu telah diluluskan. Projek-projek tersebut telah mencatatkan RM75 bilion (85.9 peratus) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, iaitu peningkatan sebanyak 43.2 peratus berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2017. Projek berintensifkan modal terbukti menguasai lanskap perkilangan Malaysia, menyumbang kepada pertumbuhan positif bagi tahun 2018.

Mengikut nisbah pelaburan modal setiap pekerja (CIPE), intensiti modal bagi projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2018 adalah RM1,473,600, iaitu peningkatan sebanyak 30.6 peratus berbanding CIPE pada tahun 2017 sebanyak RM1,128,476. Industri yang mencatat CIPE tertinggi adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM22,121,523), diikuti produk logam asas (RM2,627,948) dan kimia dan produk kimia (RM2,092,071).

## EKSPORT TERTINGGI

Pasaran eksport merupakan pemacu utama pertumbuhan, di mana sektor perkilangan menjadi penyumbang utama kepada eksport Malaysia. Pada tahun 2018, sebanyak 221 projek berorientasikan eksport telah diluluskan dan akan mengeksport sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pengeluaran. Industri E&E merekodkan bilangan projek tertinggi menerusi 24 projek, manakala produk petroleum pula mencatatkan nilai tertinggi iaitu RM11.5 bilion.

> Pada tahun 2018, sebanyak 59,294 pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor perkilangan, di mana 14,709 ialah jawatan pengurusan, teknikal dan penyeliaan, dan 7,740 adalah pekerja mahir.

### Penyumbang Penting kepada Eksport Negara pada Tahun 2018

**221**
Projek Diluluskan Berorientasikan Eksport

→

**RM32.6 bilion**
Jumlah Pelaburan Diluluskan

| 27.1% | 72.9% |
|---|---|
| **RM8.8 bil** Pelaburan Domestik | **RM23.8 bil** Pelaburan Asing |

### Projek Berorientasikan Eksport

| Produk Petroleum Termasuk Petrokimia | Produk E&E | Produk Getah |
|---|---|---|
| **RM11.5 bilion** 6 projek | **RM10.4 bilion** 24 projek | **RM4.4 bilion** 13 projek |

## PELUANG YANG MENANTI BAKAL PEKERJA

Bagi setiap projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan, peluang pekerjaan yang menarik dalam pasaran pekerjaan dapat diwujudkan. Daripada 59,294 peluang pekerjaan yang diwujudkan pada tahun 2018, sebanyak 14.7 peratus adalah jawatan dalam bahagian pengurusan, teknikal dan penyeliaan manakala 13.1 peratus adalah pekerja mahir.

### Peluang Pekerjaan dalam Sektor Perkilangan pada Tahun 2018

**59,294**
Peluang Pekerjaan

**14,709**
Jawatan Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan

**7,740**
Pekerja Mahir




### Sumbangan Pekerjaan Mengikut Industri

**11,180**
Produk E&E

**6,351**
Produk Getah

**4,998**
Produk Logam Asas

**4,978**
Produk Fabrikasi Logam

MIDA mengambil langkah proaktif dalam memperkasakan bakat negara menerusi pelaksanaan Program Perantisan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM). Kerjasama erat ini dijangka akan menyumbang kepada pencapaian 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang 2020 seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

## PRESTASI PELABURAN ASING DAN PELABURAN DOMESTIK

Disebalik pertumbuhan ekonomi global yang perlahan, pelaburan langsung asing (FDI) tetap memainkan peranan penting dalam meningkatkan pertumbuhan sektor perkilangan di Malaysia. Pelaburan asing mendahului pelaburan tempatan dalam sektor perkilangan, di mana FDI dalam projek perkilangan yang diluluskan meningkat dua kali ganda kepada RM58 bilion pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 (RM21.5 bilion). Sementara itu, pelaburan tempatan mencatatkan RM29.3 bilion atau 33.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

> "Pelaburan asing menyumbang lebih dua kali ganda kepada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2018, berbanding RM21.5 bilion pada tahun 2017."

### Jenis Projek – Pelaburan Asing

Projek Baharu
**RM40.3 bilion**
(69.5 peratus)

Projek Pembesaran/Pelbagaian
**RM17.7 bilion**
(30.5 peratus)

Produk petroleum termasuk industri petrokimia mencatatkan pelaburan asing tertinggi pada tahun 2018, dengan jumlah sebanyak RM19.1 bilion, diikuti produk E&E (RM10.7 bilion).

### Jenis Projek – Pelaburan Domestik

Projek Baharu
**RM21.5 bilion**
(270 projek)

Projek Pembesaran/Pelbagaian
**RM7.9 bilion**
(210 projek)

Pelaburan langsung domestik (DDI) pada tahun 2018 tertumpu kepada produk petroleum termasuk petrokimia sebanyak RM13.8 bilion (47 %) dan produk logam asas sebanyak RM4.7 bilion. Sementara itu, produk getah mencatatkan DDI sebanyak RM1.6 bilion, diikuti jentera dan peralatan (RM1.5 bilion), pemprosesan makanan (RM1.3 bilion) dan peralatan pengangkutan (RM1.2 bilion).

## PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN

Sebanyak 721 projek yang telah diluluskan ini telah menyumbang kepada 3,632 jumlah keseluruhan projek perkilangan bagi tempoh 2014-2018. Sejumlah 2,745 projek telah dilaksanakan setakat tahun 2018 meliputi 2,555 projek dalam pengeluaran aktif dan 190 projek dalam proses pembinaan kilang dan pemasangan jentera.

### Projek Perkilangan yang Dilaksanakan 2014-2018

**RM207.5 bilion**
Jumlah Pelaburan Diluluskan



Status Projek

| Bilangan | Status | Peratus |
|---|---|---|
| 150 | Belum Dilaksanakan | 4.1% |
| 678 | Perancangan Aktif | 18.7% |
| 59 | Perolehan Tapak | 1.6% |
| 190 | Pembinaan Kilang & Pemasangan Jentera | 5.2% |
| 2,555 | Pengeluaran Aktif | 70.3% |

## SUBSEKTOR YANG BERPOTENSI

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) telah mengenal pasti subsektor pemangkin yang mampu menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkilangan. Industri kimia, elektrikal & elektronik (E&E) dan jentera & peralatan (M&E) telah dikenal pasti sebagai subsektor pemangkin, manakala industri aeroangkasa dan peranti perubatan merupakan subsektor pertumbuhan berpotensi tinggi.

### Sorotan Penting Subsektor Utama pada Tahun 2018

**Produk Elektrik dan Elektronik**

#### Prestasi Keseluruhan Industri E&E Mengikut Subsektor pada Tahun 2018

| | KOMPONEN ELEKTRONIK | PRODUK ELEKTRIK | ELEKTRONIK INDUSTRI | ELEKTRONIK PENGGUNA |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Pelaburan Diluluskan | RM9.4 bilion | RM1.4 bilion | RM284.6 juta | RM79.7 juta |
| Projek yang Diluluskan | 18 | 23 | 11 | |
| Projek Baharu | 7 | 7 | 3 | |
| Projek Pembesaran/ Pelbagaian | 11 | 16 | 8 | 4 |
| Peluang Pekerjaan | 2,899 | 7,426 | 684 | 171 |

## Jentera dan Peralatan

### Sorotan Penting Prestasi Jentera & Peralatan (M&E)

**PELABURAN DOMESTIK VS ASING**

*Projek yang Diluluskan: 83

Pelaburan Asing
**RM0.7 bilion**




Pelaburan Domestik
**RM1.4 bilion**

Jumlah Pelaburan
**RM2.1 bilion**

*Nota: Tidak termasuk pelaburan M&E untuk industri minyak dan gas

**PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI M&E MENGIKUT SUBSEKTOR**




RM911.2 juta | Jentera Khusus
RM658.7 juta | M&E Perindustrian Umum, Modul & Alat Ganti Industri
RM192.2 juta | Jentera/Modul Peralatan dan Komponen Alat Ganti
RM419.4 juta | M&E Penjanaan Kuasa

## Aeroangkasa

**11**
Projek yang Diluluskan

**PELABURAN DOMESTIK VS ASING**

Pelaburan Asing
**RM338 juta**




Pelaburan Domestik
**RM478 juta**

**2,442**
Peluang Pekerjaan

## Kimia dan Produk Kimia

### Sorotan Penting Kimia dan Produk Kimia

| | |
|---|---|
| **48** Projek yang Diluluskan | Nilai Projek Diluluskan **RM1.84 bilion** |
| **27** Projek Baharu | **21** Projek Pembesaran/ Pelbagaian |

**PELABURAN DOMESTIK VS ASING**

Pelaburan Domestik
**RM386 juta**




Pelaburan Asing
**RM1.46 bilion**

## Peranti Perubatan

**PELABURAN DOMESTIK VS ASING**

Pelaburan Asing
**RM0.6 bilion**




Pelaburan Domestik
**RM1.5 bilion**

**28**
Projek yang Diluluskan

**19**
Projek Pembesaran/ Pelbagaian

**9**
Projek Baharu

# INDUSTRY4WRD:
## MEREVOLUSIKAN INDUSTRI PERKILANGAN MALAYSIA

Industri perkilangan Malaysia telah menyumbang sebanyak 22 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh lima tahun yang lepas. Pertumbuhan ini telah merangsang kewujudan peluang pekerjaan, menarik pelaburan dan akan kekal berdaya tahan dengan sasaran pertumbuhan KDNK tahunan sebanyak 5.1 peratus. Sebagai kekuatan utama ekonomi, sektor perkilangan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pemain utama global dalam rantaian nilai pasaran dunia. Dalam konteks Revolusi Industri Ke-4, di mana elemen digital, fizikal dan biologi bersatu, kitaran industri bergerak pada kadar yang pantas. Pada asasnya, revolusi ini terletak pada kebolehan mengadaptasi teknologi baharu. Revolusi ini dapat menangani pelbagai isu berkaitan perniagaan, termasuk persekitaran, kesihatan dan keselamatan tenaga kerja, pengurusan sisa, dan kecekapan menguruskan rantaian bekalan, sumber dan sistem penyampaian. Potensi bagi pertumbuhan adalah tidak terhad tetapi adalah berasaskan pengetahuan dalam applikasi.

Bagi menyahut cabaran Revolusi Industri Ke-4, Kerajaan, pemain industri dan ahli akademik telah menggubal Dasar Industry4WRD. Dilancarkan pada 31 Oktober 2018, Dasar Industry4WRD ialah langkah ke hadapan yang penting ketika mana Malaysia ingin memperkasakan reformasi berstruktur yang berterusan untuk menjadi sebuah negara maju. Dasar tersebut diwujudkan untuk memacu Revolusi Industri Ke-4 dan seterusnya menjadi titik peralihan ke arah revolusi industri yang lebih besar bagi Malaysia.

### ACT – Falsafah Industry4WRD

**A** — *Attract:* Untuk menarik pihak berkepentingan menerima pakai teknologi dan proses Industri 4.0;

**C** — *Create:* Mewujudkan ekosistem untuk teknologi industri 4.0, terima pakai dan pupuk inovasi ; dan

**T** — *Transform:* Mengubah dan meningkatkan keupayaan i-industri perkilangan ke arah Industri 4.0 dan dilakukan secara holistik dan teratur.

Rangka kerja dasar Industry4WRD berasaskan empat (4) matlamat kebangsaan dan lima (5) pembolehubah strategik:

### Matlamat Kebangsaan Industry4WRD yang Menyeluruh

1. Berterusan memacu pertumbuhan KDNK perkilangan
2. Meningkatkan produktiviti kebangsaan
3. Mewujudkan peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi
4. Meningkatkan keupayaan dan daya saing inovasi

### Pembolehubah Strategik Industry4WRD

| | | |
|---|---|---|
| Menyediakan dana dan insentif berasaskan hasil | Memastikan rangka kerja pengawalseliaan industri diguna pakai | Kebolehcapaian mudah kepada teknologi pintar |
| Mewujudkan ekosistem dan infrastruktur digital yang cekap | Meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada dan memastikan bakat baharu diwujudkan. | |

### Pelan Menyeluruh Kerajaan

Kejayaan Dasar Industry4WD adalah bergantung kepada keberkesanan pelaksanaannya. Menerusi kerangka ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program *'Industry4WD Readiness Assessment'* yang akan membolehkan syarikat untuk menilai tahap ketersediaan, mengenalpasti jurang dalam proses pengilangan dan menyediakan mereka untuk beralih ke arah Industri 4.0. Selain itu, bagi melancarkan lagi peralihan syarikat, semasa Bajet 2019 Kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif dan inisiatif pembiayaan yang khusus untuk transisi ke arah Industri 4.0. Peranan MIDA dalam pelan induk Industri 4.0 ini adalah untuk membantu pelaburan berkaitan Industri 4.0 menerusi skim-skim seperti Insentif Cukai, Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF), Elaun Modal Automasi dan Dana Berimpak Tinggi. MIDA akan terus bekerjasama dengan syarikat pembekal penyelesaian bagi menawarkan khidmat nasihat kepada syarikat untuk melaksanakan automasi atau ciri-ciri Industri 4.0. Syarikat perkilangan dan penyedia perkhidmatan kecil-kecilan juga boleh memanfaatkan seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh MIDA untuk menjalinkan hubungan dengan syarikat-syarikat yang lebih besar. Menerusi sesi-sesi interaksi dan *networking* ini organisasi yang lebih kecil boleh berganding bahu bersama syarikat-syarikat besar untuk sama-sama bergerak ke hadapan.

# PRESTASI PELABURAN
# SEKTOR PERKHIDMATAN






Prestasi sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 55.5 peratus kepada KDNK negara menerusi jumlah pelaburan bernilai RM106.1 bilion pada tahun 2018 walaupun menurun sedikit berbanding tahun 2017. Jumlah ini menyumbang lebih 50 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan pada tahun 2018, menerusi 4,234 projek yang akan mewujudkan sebanyak 68,792 peluang pekerjaan. Pelaburan domestik merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM90.0 bilion, manakala pelaburan asing mencatatkan RM16.1 bilion. Subsektor hartanah kekal sebagai penyumbang utama sektor perkhidmatan dengan jumlah sebanyak RM47.9 bilion, peningkatan RM2.2 bilion berbanding RM45.7 bilion pada tahun 2017.

> Pada tahun 2018, sektor perkhidmatan menyumbang 55.5% kepada KDNK negara, berbanding 51.2% pada tahun 2010 dan 53.6% pada tahun 2015.

**RM106.1 bilion**
Jumlah Pelaburan

**RM90.0 bilion**
Pelaburan Domestik

**RM16.1 bilion**
Pelaburan Asing

**4,234**
Projek yang diluluskan

**68,792**
Peluang pekerjaan

### 5 Subsektor Perkhidmatan Tertinggi pada Tahun 2018

| Subsektor | Nilai |
|---|---|
| Hartanah | RM47.9 bilion |
| Utiliti | RM9.8 bilion |
| Perkhidmatan Kewangan | RM9.7 bilion |
| Penubuhan Global | RM7.5 bilion |
| Perdagangan Edaran | RM7.3 bilion |

Era digital telah merevolusikan sektor perkhidmatan di mana kebanyakan perniagaan terus menerima pakai dan memanfaatkan teknologi baharu. Menurut *Regional Economic Outlook for Asia Pacific* terbitan IMF, tujuh daripada 10 ekonomi utama dunia dengan nisbah ICT kepada KDNK tertinggi adalah di Asia termasuk Malaysia. Kebanyakan industri seperti perdagangan dan hiburan telah mengambil langkah ke arah pendigitalan, manakala industri seperti penjagaan kesihatan juga telah mengguna pakai teknologi bagi menambah baik perkhidmatan.

## MEMUPUK PERTUMBUHAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

*Economic Census 2016: Establishment Statistics* terbitan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) menunjukkan 88.5 peratus daripada operasi perniagaan adalah dalam sektor perkhidmatan, di mana 89.2 peratus daripadanya terdiri daripada PKS. Bagi pelabur, di antara tarikan yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama adalah sokongan Kerajaan menerusi dasar dan insentif cukai yang mesra perniagaan. Sejajar dengan ini, MIDA telah melancarkan beberapa insentif baharu untuk terus menggalakkan pelaburan asing ke Malaysia. MIDA juga telah membuka peluang perniagaan kepada pembekal perkhidmatan tempatan dan membantu meningkatkan kemampuan pembekal untuk lebih berdaya saing dalam pasaran tempatan dan global.

Bagi meningkatkan prospek perniagaan di kalangan pembekal perkhidmatan tempatan, kelulusan Lesen Pengilang telah menetapkan syarat bahawa pelabur dikehendaki untuk melantik perkhidmatan firma arkitek dan jurutera profesional tempatan. Seterusnya bermula Mei 2018, MIDA juga telah menetapkan penggunaan perkhidmatan tempatan sebagai salah satu syarat dalam kelulusan projek bagi menjamin peluang perniagaan di kalangan syarikat tempatan.

MIDA telah memperkenalkan Portal i-Services untuk terus menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan. Portal i-Services telah dilancarkan pada 30 Oktober 2018 oleh YB Datuk Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Seminar Pelaburan Kebangsaan 2018 dengan tujuan untuk merapatkan jurang di antara pembekal perkhidmatan dan pelabur. Pembekal perkhidmatan boleh mendaftar di portal tersebut, sementara pelabur dapat memanfaatkan platform yang komprehensif ini bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Portal ini dijangka akan memudahkan pelabur bagi mendapatkan perkhidmatan tempatan yang menjadi syarat bagi kelulusan dan dalam masa yang sama meluaskan peluang perniagaan di kalangan syarikat perkhidmatan tempatan.

Bermula April 2018, MIDA telah memperluaskan skop Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bagi membolehkan syarikat perkhidmatan untuk terus menambah baik perniagaan. Skop DISF telah diperluaskan bagi merangkumi subsektor perkhidmatan yang terlibat dalam automasi dan Industri 4.0, serta perkhidmatan teknologi hijau berintegrasi seperti pembangunan, penentukuran, arkitek dan penyelesaian ICT. Dengan adanya lebih banyak syarikat berfokuskan teknologi yang menerima DISF, MIDA yakin bahawa syarikat-syarikat ini dapat mencapai standard global yang akan membantu Malaysia dalam peralihan ke hadapan.

## KEMAJUAN TEKNOLOGI MEMBUKA PELUANG UNTUK INDUSTRI

Penggunaan teknologi telah mengubah persepsi kita mengenai tatacara kerja dan gaya hidup. Walaupun manfaat penggunaan teknologi telah dibuktikan, usaha beralih ke arah penggunaannya memerlukan masa dan sumber yang besar. Meskipun begitu, kebanyakan syarikat memahami kepentingan teknologi dan telah melabur ke arah penggunaannya serta menghasilkan industri baharu yang menggunakan teknologi masa hadapan. Dengan peralihan arus pasaran global, industri harus memahami dan mengadaptasi perubahan ini.

# MENYOKONG PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU

Kerajaan bermatlamat untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030 dan menyumbang 20 peratus tenaga boleh diperbaharui dalam campuran penjanaan kuasa menjelang 2020, justeru itu projek berkaitan Teknologi Hijau terus meningkat sejak kebelakangan ini. Kerajaan telah mengenal pasti sumber tenaga solar sebagai kaedah yang paling efisien dalam menyumbang tenaga boleh diperbaharui. Oleh itu, pelbagai skim telah diwujudkan dan ditambah baik, sebagai contoh, projek pembidaan *Large-Scale Solar Photovoltaic (LSSPV)* dan pelan *Net-Energy Metering (NEM)* yang disemak semula telah dilaksanakan untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui. Sebanyak 175 projek tenaga boleh diperbaharui, termasuk solar, biogas, hidro mini dan biojisim, telah diluluskan pada tahun 2018 dengan pelaburan sebanyak RM3.0 bilion serta mewujudkan 547 peluang pekerjaan.

> Setakat ini, tenaga boleh diperbaharui menyumbang 5% kepada campuran tenaga, di mana 53% adalah bahan api fosil dan 42% adalah gas asli.

MIDA berusaha memastikan terdapat pembekal perkhidmatan teknologi hijau bagi menyokong pertumbuhan industri ini. Kerajaan telah memperkenalkan dua insentif cukai untuk menggalakkan adaptasi dan penggunaan Teknologi Hijau. Elaun Cukai Pelaburan Hijau (ITA) ditawarkan kepada pembekal perkhidmatan yang membeli aset teknologi hijau, manakala Elaun Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (ITE) pula ditawarkan kepada syarikat yang menggunakan perkhidmatan teknologi hijau. Dengan adanya insentif ini, MIDA berharap bilangan pengguna teknologi hijau akan bertambah dan seterusnya meningkatkan perniagaan dalam sektor ini. Pada tahun 2018, sebanyak 14 projek perkhidmatan hijau telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM150.8 juta dan menyediakan 232 peluang pekerjaan. Hampir kesemua projek ini melibatkan perkhidmatan berkaitan dengan bangunan hijau dan kecekapan tenaga.

## Projek Tenaga Boleh Diperbaharui(RE) yang Diluluskan pada Tahun 2018 mengikut Kategori

| | **Solar** | **Mini Hidro** | **Biogas** | **Biojisim** |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Pelaburan yang Diluluskan | **RM2.5 bil** | **RM300.7 juta** | **RM182.3 juta** | **RM24 juta** |
| Bilangan Projek yang Diluluskan | **161** | **3** | **10** | **1** |
| Peratusan Pelaburan yang Diluluskan | **82.3%** | **10.8%** | **6.1%** | **0.8%** |
| Peluang Pekerjaan | **409** | **40** | **90** | **8** |

### Projek Perkhidmatan Hijau yang Diluluskan pada Tahun 2018

**14** Projek yang Diluluskan

**RM150.8 juta** Jumlah Pelaburan yang Diluluskan

**232** Peluang Pekerjaan

**RM24 juta**
Pelaburan Asing




**RM126.8 juta**
Pelaburan Domestik

## PERKEMBANGAN SIHAT UNTUK PENJAGAAN KESIHATAN

Sektor penjagaan kesihatan turut menyumbang ke arah peralihan revolusi Industri 4.0 dengan mengadaptasi gangguan teknologi digital. Sebagai contoh, sebuah hospital swasta telah mengintegrasikan penggunaan Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligence (AI))* dalam rawatan bagi pesakit-pesakit kanser. Trend positif ini dapat dilihat pada tahun 2018 dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.6 bilion, menerusi lapan buah pusat penjagaan kesihatan swasta baharu dan tiga projek pembesaran.

> Perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan di Malaysia dijangka meningkat daripada RM52 bilion pada tahun 2017 kepada RM80 bilion menjelang tahun 2020.

### Projek Penjagaan Kesihatan yang Diluluskan pada Tahun 2018

**11** Bilangan Projek

**RM2.6 bilion** Jumlah Pelaburan yang Diluluskan

**4,374** Peluang Pekerjaan

## MALAYSIA ANTARA NEGARA EMPAT TERATAS DALAM PASARAN MEMBANGUN BAGI LOGISTIK

Menurut *Agility Emerging Market Logistics Index* 2018, Malaysia menduduki tempat ke-4 di kalangan rakan-rakan pasaran yang baru muncul selepas China, India dan UAE. Indeks tersebut meletakkan kedudukan negara-negara berdasarkan pertumbuhan pasaran, keserasian pasaran dan keterhubungan pasaran, di mana Malaysia telah menunjukkan prestasi terbaik. Dengan kebangkitan internet dan teknologi, industri Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) telah mendapat manfaat daripada pertumbuhan e-dagang. Syarikat-syarikat ILS seharusnya mengadaptasi ekonomi digital yang semakin membangun. Bagi menggalakkan trend ini, MIDA menawarkan status *Digital International Integrated Logistics Services (DIILS)* kepada syarikat ILS, yang membolehkan syarikat tersebut menjalankan dagangan digital dalam DFTZ. MIDA juga menawarkan status *International Integrated Logistics Services (IILS)* kepada syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu sebagai entiti tunggal di pasaran serantau atau global. Pada tahun 2018, sebanyak 23 syarikat Malaysia telah mendapat kelulusan status IILS, manakala sebanyak 10 projek ILS diluluskan pada tahun 2018 dengan pelaburan sebanyak RM598.5 juta serta akan mewujudkan 522 peluang pekerjaan.

### Projek ILS yang Diluluskan pada Tahun 2018

| Bilangan Projek | Jumlah Pelaburan yang Diluluskan | Peluang Pekerjaan |
|---|---|---|
| 10 | RM598.5 bilion | 522 |

## TARIKAN PELABURAN ASING

Walaupun pelaburan domestik merupakan penyumbang terbesar pelaburan di Malaysia, pelaburan asing juga tidak kurang pentingnya. Ia bukan sahaja menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, malah memberi peluang bagi syarikat-syarikat asing dan tempatan untuk berkerjasama. Pada tahun 2018, sumber utama pelaburan asing datangnya daripada projek Hab Prinsipal, perdagangan pengedaran, minyak dan gas, pendidikan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

| Bilangan Projek | Jumlah Pelaburan yang Diluluskan | Peluang Pekerjaan |
|---|---|---|
| **Projek Hab Prinsipal yang Diluluskan pada Tahun 2018** | | |
| 8 | RM7.1 bilion | 698 |
| **Projek Perdagangan Pengedaran Diluluskan pada Tahun 2018** | | |
| 1,263 | RM7.3 bilion | 43,676 |
| RM2.4 bilion Pelaburan Asing | 33.2% / 66.8% | RM4.8 bilion Pelaburan Domestik |
| **Projek Pendidikan yang Diluluskan pada Tahun 2018** | | |
| 704 | RM1.1 bilion | 6,837 |
| RM447.3 juta Pelaburan Asing | 40% / 60% | RM682.7 juta Pelaburan Domestik |
| **Projek R&D yang Diluluskan pada Tahun 2018** | | |
| 2 | RM94.8 juta | 163 |
| RM85.9 juta Pelaburan Asing | 90.6% / 9.4% | RM8.9 juta Pelaburan Domestik |
| **Projek Perkilangan dan Perkhidmatan Minyak & Gas yang Diluluskan pada Tahun 2018** | | |
| 10 | RM930.7 juta | 231 |
| RM620.8 juta Pelaburan Asing | 67% / 33% | RM309.9 juta Pelaburan Domestik |

# HAB PRINSIPAL

MIDA memastikan kesemua pihak berkepentingan dan orang awam sentiasa dimaklumkan mengenai semua acara dan program yang dijalankan sepanjang tahun.

### Pengiklanan/Advertorial/Editorial

| | |
|---|---|
| 23 Januari | *MIDA Success Stories Media Engagement* bersama TV3 - B. Braun |
| 23 Januari | *MIDA Success Stories Media Engagement* bersama TV3 - Intel |
| 6 Mac | Video mengenai Persidangan Media Tahunan MIDA (AMC) 2018 - BERNAMA |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : Salutica Allied |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : Altech Chemicals |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : Verdezyne |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : T7 Kilgour |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : IKEA Supply (Malaysia) Sdn. Bhd. |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : Integrated Device Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : Gading Kencana |

| | |
|---|---|
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018) : European Union |
| 6 Mac | Video Galeri Kualiti bersama Bernama (AMC 2018): Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 7 Mac | Advertorial di The Star (AMC 2018) |
| 7 Mac | Advertorial di Malaysian Reserve (AMC 2018) |
| 7 Mac | Advertorial di Utusan (AMC 2018) |
| 7 Mac | Keterlibatan Advertorial bersama NST - Kaneka MS Malaysia Sdn. Bhd. |
| 20 Mac | Advertorial mengenai ekonomi Malaysia untuk penerbitan Emerging Nations (Majalah Perniagaan Antarabangsa) |
| 22 Mac | Keterlibatan Advertorial bersama NST - Elektrisola |
| 4 April | Siri Video Online bersama BFM - FDI Explainer Video |
| 18 April | Siri Video Online bersama BFM - Solar Farm Human Interest Video |
| 3 Mei | Iklan - EUMCCI Review Magazine |
| 11 Mei | Editorial di Korea Post |
| 16 Mei | Iklan - AMCHAM Edisi Khas: 2018 APCAC Business Summit |
| 11- 15 Mei | The Silk Road International Expo – Gerai Pameran MIDA Xi'an China |
| 11- 15 Mei | The Silk Road International Expo - Xi'an China, Forum Perniagaan MIDA |
| 11-15 Mei | Iklan untuk 2018 Silk Road International Expo - MIDA Shanghai |
| 22 Mei | Iklan Show Guide Advertisement- SEMICON |
| 22 Mei | Siri Video Online Touch Points MIDA bersama BFM Radio : Aerospace Human Interest Video |
| 6 Jun | Iklan – AMCHAM PULSE: Jun 2018 |
| 1 Julai | Editorial di Renewable Energy E-Magazine – Iklan FCFP. FBI Publications (M) Sdn. Bhd. |
| 20 Ogos | Iklan FP - Buku Panduan Petrokimia Malaysia sempena Asia Petrochemicals International Conference (APIC) 2018 Malaysia |
| 6 September | Nanyang Siang Pau – Iklan FCHP sempena Perayaan Ulangtahun Ke-95 Nanyang |
| 25 September | Iklan untuk MDBC Innovation & Sustainability Award 2018 |
| 1 Oktober | Editorial di Suria Magazine - Artikel mengenai Insentif Cukai Industri Hijau |
| 1 Oktober | Editorial di Renewable Energy E-Magazine – Iklan FCFP. FBI Publications (M) Sdn. Bhd. |
| 5 Oktober | Japan Times - MIDA Tokyo: Liputan Khas Malaysia (Edisi Malaysia – artikel, berita dan iklan) |

| | |
|---|---|
| 5 November | Iklan di Makkal Osai bagi edisi Deepavali Greetings Celebration 2018 |
| 7 November | Siri Video Online bersama BFM - Explainer Video on Industry 4.0 |
| 11 Disember | *MIDA Success Stories: Media Engagement* bersama NST untuk mempromosikan Portal i-Services. |

> Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) menggalak syarikat tempatan dalam beralih kepada industri nilai ditambah tinggi serta berintensifkan pengetahuan Setakat 31 Disember 2018,
>
> - 314 projek diluluskan
> - Geran bernilai RM1,547.3 juta

# SUNTIKAN DANA KEPADA SYARIKAT TEMPATAN

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) telah diwujudkan bagi mempercepatkan peralihan perusahaan-perusahaan milik Malaysia dalam industri yang telah disasarkan ke arah industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan serta berasaskan inovasi. Setakat 31 Disember 2018, sejumlah 214 projek dengan pelaburan mencecah RM14.9 bilion telah diluluskan untuk geran berjumlah RM1547.3 juta.

## Geran Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) yang Diluluskan

**RM90.5 juta**
Geran Latihan

**RM353.8 juta**
Geran R&D

**RM1,011.2 juta**
Geran Modal

**RM36.1 juta**
Pensijilan dan Piawaian Antarabangsa

**RM55.7 juta**
Perlesenan dan Pembelian Teknologi Baharu/Tinggi

## Kelulusan Geran DISF Mengikut Industri

| Industri | Geran (RM juta) | Bilangan Projek | Pelaburan (RM juta) |
|---|---|---|---|
| Elektrik dan Elektronik (E&E) | 355.5 | 37 | 4,047.7 |
| Jentera & Kejuruteraan Lanjutan | 299.2 | 107 | 1,786.8 |
| Pengangkutan | 431.3 | 48 | 4,020.5 |
| Sains Hayat | 154.9 | 43 | 1,574.6 |
| Aktiviti R&D | 83.3 | 20 | 320.5 |
| Perkhidmatan (ICT, Logistik, Penjagaan Kesihatan, Pendidikan & Hospitaliti, Teknologi Hijau) | 77.6 | 17 | 808.5 |
| Kimia | 26.1 | 9 | 154.5 |
| Kertas, Percetakan & Penerbitan | 9.3 | 2 | 106.4 |
| Perkhidmatan Perkilangan Minyak & Gas | 54.4 | 18 | 1,550.4 |
| Makanan | 40.1 | 8 | 359.6 |
| Tekstil | 10.2 | 2 | 75.0 |
| Berasaskan kayu | 4.9 | 2 | 104.4 |
| Logam & Aloi Logam | 0.5 | 1 | 5.8 |

## Kelulusan Geran DISF Mengikut Negeri

| Negeri | Geran (RM juta) | Bilangan Projek | Pelaburan (RM juta) |
|---|---|---|---|
| Penang | 458.7 | 90 | 4,184.7 |
| Selangor | 630.9 | 119 | 3,724.5 |
| Kedah | 103.7 | 18 | 923.9 |
| W. P. Kuala Lumpur | 55.3 | 16 | 1,043.2 |
| Melaka | 79.0 | 20 | 1,262.2 |
| Pahang | 39.4 | 7 | 1,202.5 |
| Terengganu | 24.1 | 5 | 159.0 |
| Perak | 59.2 | 12 | 834.2 |
| Perlis | 6.8 | 2 | 35.7 |
| Sarawak | 22.8 | 4 | 155.1 |
| Negeri Sembilan | 31.1 | 8 | 293.9 |
| Johor | 25.2 | 9 | 948.0 |
| Kelantan | 9.4 | 2 | 135.7 |
| Putrajaya | 1.1 | 1 | 10 |

# SIRI FORUM TAMAN INDUSTRI:
## MENINGKATKAN STANDARD TAMAN PERINDUSTRIAN

MIDA dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) telah menganjurkan Forum Taman Perindustrian yang dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk dewan-dewan perniagaan, PBT, pemaju dan pengurus taman perindustrian, syarikat-syarikat utiliti, pengilang-pengilang dan para pelabur berpotensi. Dengan kehadiran pelbagai pihak, forum ini akan mencetuskan perbincangan interaktif tentang bagaimana Taman Perindustrian boleh memenuhi keperluan pelabur yang meningkat serta menggalakkan pelaburan yang lebih seimbang di seluruh Malaysia.

Forum Taman Perindustrian dilaksanakan di seluruh Malaysia supaya pemaju taman perindustrian dapat mewujudkan perubahan yang sistematik bagi memastikan penambahbaikan dan pembangunan semula taman perindustrian secara menyeluruh. Kesepakatan semua taman-taman perindustrian di seluruh Malaysia akan menghasilkan strategi yang bersepadu ke arah matlamat yang sama. Setiap tiga belas negeri dan tiga wilayah persekutuan di Malaysia menawarkan kelebihan dan ekosistem yang unik untuk pelabur.

### Forum Taman Perindustrian Mengikut Kawasan 2018

| Kawasan | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|
| Zon Tengah | 8 Mac | Hotel Dorsett Grand, Subang Jaya, Selangor |
| Zon Selatan | 28 Ogos | Hotel Holiday Villa, Johor Bahru |
| Zon Utara | 18 Oktober | Hotel Weil, Ipoh |
| Sabah | 17 Disember | Hotel Marriot, Kota Kinabalu |

### Forum Taman Perindustrian Zon Tengah

Forum Taman Perindustrian bagi Zon Tengah telah diadakan di Hotel Dorsett Grand, Subang Jaya, Selangor pada 8 Mac 2018 merupakan siri forum taman perindustrian yang pertama. Forum tersebut menampilkan panel-panel penceramah yang mewakili pemaju (MIDF Property Berhad, Matrix Concepts Holdings & Eco World Development Group Berhad, dan UMW Land Sdn. Bhd.), pelabur (Kesatuan Eropah- Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia, Japan External Trade Organization (JETRO) Kuala Lumpur dan Asli Mechanical Sdn. Bhd.), majlis perbandaran tempatan dan syarikat utiliti. Ini diikuti dengan sesi perbincangan bersama pemaju dan klinik perniagaan bersama syarikat utiliti dan institusi kewangan.

Memetik ucapan pembukaan oleh YBhg. Dato' Azman "MIDA yakin dalam usaha untuk menarik pelaburan yang lebih berkualiti, kita perlu bertindak pantas bagi mereka semula taman perindustrian dalam memenuhi permintaan industri dan pasaran baharu yang muncul." Beliau menambah bahawa kewujudan taman perindustrian yang maju boleh menjadi daya tarikan bagi pelaburan bernilai ditambah tinggi dan menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi bagi rakyat. Sebagai badan berkuasa dan pusat rujukan utama pelabur, MIDA bertanggungjawab memantau prestasi dan mengawal selia taman perindustrian serta membantu pelabur berpotensi mencari lokasi yang sesuai bagi menempatkan fasiliti mereka.

### Forum Taman Perindustrian Zon Selatan

Forum Taman Perindustrian bagi Zon Selatan telah diadakan di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru pada 28 Ogos 2018. Forum tersebut menampilkan panel perbincangan yang melibatkan penceramah dari UEM Sunrise Berhad, Sime Darby Property Berhad, Iskandar Halal Park, AME Development, Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Perancis, Hersheys Malaysia, i2m Ventures, Almer Malaysia, Telekom Malaysia and Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Panel penceramah menekankan kepentingan Industri 4.0, di mana terdapat keperluan yang kritikal untuk membangunkan kluster industri moden yang dilengkapi dengan kemudahan dan infrastruktur canggih bagi memenuhi keperluan gelombang baharu industri.

Dalam ucapan pembukaan, Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri, YB Dr. Ong Kian Ming menyatakan bahawa sektor perkilangan memerlukan kemajuan yang mampan dan perhatian hendaklah sentiasa diberi terhadap infrastruktur yang dibangunkan. Taman perindustrian negara perlu memenuhi keperluan pelabur seperti infrastruktur dan fasiliti yang baik, ciri yang mesra alam dan memenuhi piawaian antarabangsa.

## Forum Taman Perindustrian Zon Utara

Forum Taman Perindustrian bagi Zon Utara telah diadakan di Hotel Weil, Ipoh pada 18 Oktober 2018. Forum tersebut menekankan mengenai potensi negeri Perak sebagai negeri kedua terbesar untuk memanfaatkan pembangunan ekonomi negeri-negeri yang bersempadan dengannya. Seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dr. Ong Kian Ming, “Kluster industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan boleh diperkasakan dengan menerokai rantaian bekalan badan-badan korporat yang besar atau syarikat multinasional di negeri-negeri jiran.

Di Zon Tengah sahaja, sebanyak 5,500 projek perkilangan telah diluluskan dan dilaksanakan, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM178.5 bilion. Di samping mewujudkan lebih daripada 680,000 peluang pekerjaan, projek-projek ini juga telah memberi manfaat sampingan yang boleh dinikmati oleh perniagaan tempatan di Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis serta ekonomi negara secara keseluruhan.

## Forum Taman Perindustrian Sabah

Forum keempat dan terakhir dalam siri Forum Taman Perindustrian telah diadakan di Hotel Marriott, Kota Kinabalu pada 17 Disember 2018.

Dua sesi panel perbincangan yang menumpukan kepada ekosistem taman perindustrian dan fasilitasi pelaburan telah diadakan di forum tersebut. Tiga pemaju taman perindustrian di Sabah, khususnya Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), POIC Sabah dan Sabah Oil & Gas Development (SODGC), serta wakil daripada RWDC Industries Asia Pacific, OFO Tech dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) telah mengambil bahagian dalam sesi yang pertama. Wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Bank Eksport-Import Malaysia Bhd (Exim Bank), MIDA, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) dan SIRIM mengambil bahagian dalam sesi yang kedua.

YB Dr. Ong Kian Ming menyatakan bahawa banyak peluang yang belum diterokai oleh industri perkilangan berasaskan sumber di Sabah kerana kepelbagaian sumber semulajadi and pertanian negeri. Penyelesaian menang-menang bagi semua pihak harus dicapai di antara pemaju taman perindustrian dan pelabur, dan sebahagian daripada penyelesaian tersebut adalah penyediaan infrastruktur asas.

Antara lainnya, forum tersebut memaklumkan bahawa setakat Disember 2017, jumlah pelaburan sebanyak RM15.1 bilion yang merangkumi 761 projek perkilangan telah diluluskan di Sabah. Projek-projek ini telah mewujudkan lebih daripada 90,000 peluang pekerjaan, terutamanya bagi sektor percetakan dan penerbitan, kayu dan produk kayu, kertas, pengilangan makanan, kimia dan produk kimia, dan produk bahan mineral bukan logam. Jumlah  pelaburan sebanyak RM140.9 juta, terutamanya bagi sektor produk bahan mineral bukan logam, produk logam asas, produk petroleum termasuk petrokimia, dan  pengilangan makanan, telah disalurkan ke Sabah pada sembilan bulan pertama tahun 2018.





# PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 28.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

**Pendapatan Faedah**

MIDA tidak merekodkan faedah simpanan tetap berjumlah RM685,991.88 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Oleh itu, Tunai dan Kesetaraan Tunai serta Pendapatan telah terkurang catat sejumlah RM685,991.88.

**Tunai dan Kesetaraan Tunai**

MIDA merekodkan simpanan tetap berjumlah RM40,000,000.00 yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan sebagai Tunai dan Kesetaraan Tunai. Rekod perakaunan tersebut tidak selaras dengan dasar perakaunan MIDA dan MPSAS 2, Pembentangan Penyata Aliran Tunai.

**Hartanah, Loji dan Peralatan**

Baki kos bagi Kenderaan, Peralatan Pejabat serta Perkakasan Komputer pada 31 Disember 2018 di Nota 5 Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM58,522,446.00 manakala Sistem Pengurusan Aset (Sistem Concerns) menunjukkan baki berjumlah RM48,295,352.60. Terdapat perbezaan kos berjumlah RM10,227,093.40. MIDA tidak dapat menyediakan penyata penyesuaian menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM142,281,117 seperti yang didedahkan di Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha

berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DR. MASIAH BINTI AHMAD)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
19 SEPTEMBER 2019

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pindaan) 2011)

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

Kami, **DATO' ABDUL MAJID AHMAD KHAN** dan **DATO' SOH THIAN LAI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,

..............................................
**DATO' ABDUL MAJID AHMAD KHAN**

PENGERUSI

16 MEI 2019

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,

..............................................
**DATO' SOH THIAN LAI**

AHLI JEMAAH

16 MEI 2019

KUALA LUMPUR

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di KUALA LUMPUR )
pada 16 MEI 2019 )

..................................................

**DATO' AZMAN MAHMUD**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 465
KAPT (B) JASNI BIN YUSOFF
1 JAN 2019 - 31 DIS 2021
MALAYSIA

..................................................

PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.08, Tingkat 1
Bangunan KWSP , Jln Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 019 6680745

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

| | Nota | 31 Disember 2018 RM | 31 Disember 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 3 | 240,069,963 | 103,588,635 |
| Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran | 4 | 7,441,386 | 8,299,266 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 247,511,349 | 111,887,901 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran | 4 | 6,118,222 | 5,183,388 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 5 | 142,281,117 | 143,393,613 |
| Aset Tak Ketara | 6 | 947,239 | 1,267,941 |
| Hartanah Pelaburan | 7 | 326,810 | 326,810 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 149,673,388 | 150,171,752 |
| **Jumlah Aset** | | 397,184,737 | 262,059,653 |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 8 | 38,418,528 | 20,012,648 |
| Geran Tertunda | 9 | 182,477,675 | 66,753,263 |
| Peruntukan Imbuhan Tahunan | 10 | 3,500,000 | 2,206,133 |
| Manfaat Pekerja | 11 | 711,961 | 384,494 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 225,108,164 | 89,356,538 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 8 | 1,226,052 | 1,492,233 |
| Manfaat Pekerja | 11 | 11,256,246 | 11,101,368 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 12,482,298 | 12,593,601 |
| **Jumlah Liabiliti** | | 237,590,462 | 101,950,139 |
| **Aset Bersih** | 12 | **159,594,275** | **160,109,514** |
| **ASET BERSIH/EKUITI** | | | |
| - Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus | | 156,244,275 | 156,759,514 |
| - Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer | | 350,000 | 350,000 |
| - Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan | | 3,000,000 | 3,000,000 |
| **Jumlah Aset Bersih/Ekuiti** | | **159,594,275** | **160,109,514** |

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | Nota | 31 Disember 2018 RM | 31 Disember 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran** | | | |
| Penerimaan daripada Geran Kerajaan | 13 | 169,914,700 | 146,672,000 |
| Penerimaan daripada Faedah Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | 0 | 30,000,000 |
| Pindahan ke Geran Tertunda - Akaun- Akaun Khas (Pembangunan) | | 0 | (7,689,742) |
| Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | 268,204,571 | 430,678,346 |
| Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus) | | 783,193 | 291,375 |
| Pendapatan Tertunda daripada Akaun Pembangunan MIDA | | 2,773,880 | 9,281,156 |
| | | 441,676,344 | 609,233,135 |
| **Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran** | | | |
| Pendapatan Sewaan | 14 | 1,345,636 | 834,677 |
| Pendapatan Faedah/ Keuntungan Hibah | 15 | 5,196,851 | 8,915,822 |
| Lain-lain Pendapatan | | 1,892,550 | 1,209,314 |
| Hutang Ragu Dikutip | | 32,635 | 176,130 |
| | | 8,467,672 | 11,135,943 |
| **Jumlah Hasil** | | 450,144,016 | 620,369,078 |
| **Belanja** | | | |
| Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja | 16 | 96,053,241 | 96,051,029 |
| Perbelanjaan Sewaan | | 26,130,599 | 28,708,403 |
| Perkhidmatan Ikhtisas/Lain dan Hospitaliti | | 24,566,299 | 27,090,586 |
| Belanja Susutnilai dan Pelunasan | 17 | 3,276,996 | 3,598,268 |
| Penjejasan Aset Kewangan | | 78,777 | 106,928 |
| Perhubungan dan Utiliti | | 10,341,226 | 10,216,286 |
| Pembaikan dan Penyelenggaraan | | 6,983,000 | 7,232,912 |
| Perjalanan dan Sara Hidup | | 8,707,871 | 8,710,623 |
| Belanja Lain | 18 | 3,395,287 | 18,794,619 |
| Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | 268,204,571 | 430,678,346 |
| Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus) | | 783,193 | 291,375 |
| Pelunasan daripada Akaun Pembangunan MIDA | | 16,088 | - |
| **Jumlah Belanja** | | 448,537,148 | 631,479,375 |
| **Lebihan/(Kurangan) Lain** | | | |
| Keuntungan atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 87,554 | 0 |
| Keuntungan Jualan | | 0 | 0 |
| Keuntungan/(Kerugian) atas Pertukaran Matawang Asing | | (709,661) | (380,711) |
| | | (622,107) | (380,711) |
| **(Kurangan) Tahun Semasa** | | 984,761 | (11,491,008) |

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus<br>Nota 12 | Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan<br>Nota 12 | Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer<br>Nota 12 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari 2017** | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| Seperti yang dilaporkan sebelum ini | 168,250,522 | 3,000,000 | 350,000 | 171,600,522 |
| Perubahan dalam dasar perakaunan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Seperti dinyatakan semula | 168,250,522 | 3,000,000 | 350,000 | 171,600,522 |
| Lebihan/(Kurangan) untuk Tahun 2017 | (11,491,008) | 0 | 0 | (11,491,008) |
| **Baki pada seperti 31 Disember 2017** | 156,759,514 | 3,000,000 | 350,000 | 160,109,514 |
| Perubahan dalam dasar perakaunan bagi 2018 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Lebihan/(Kurangan) untuk Tahun 2018 | 984,761 | 0 | 0 | 984,761 |
| Pindahan Ke Geran Tertunda Akaun Pembangunan MIDA | (1,500,000) | 0 | 0 | (1,500,000) |
| **Baki seperti pada 31 Disember 2018** | 156,244,275 | 3,000,000 | 350,000 | 159,594,275 |

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | Nota | 31 Disember 2018 RM | 31 Disember 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Lebihan/(Kurangan) | | 984,761 | (11,491,008) |
| **Pergerakan bukan tunai** | | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | | 2,956,294 | 3,277,566 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | | 320,702 | 320,702 |
| (Untung) Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | (87,554) | 0 |
| Rugi Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | | 7,199 | 167 |
| Peruntukan untuk Imbuhan Tahunan | | 3,500,000 | 2,206,133 |
| Penjejasan Aset Kewangan | | 78,777 | 106,928 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | | 1,082,940 | 1,044,032 |
| Pelarasan dari Kerja Dalam Perlaksanaan | | 0 | 13,570,271 |
| Pelarasan dari Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | 0 | 7,689,742 |
| Pendapatan Faedah/Hibah daripada Deposit/Pembiayaan | | (5,196,851) | (8,915,822) |
| Lebihan/(Kurangan) Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja | | 3,646,268 | 7,808,711 |
| Perubahan Modal Kerja : | | | |
| (Tambahan)/Kurangan Akaun Belum Terima | | 260,115 | 15,505 |
| (Kurangan)/Tambahan Akaun Belum Bayar | | 18,139,699 | (8,769,104) |
| (Kurangan) Imbuhan Tahunan | | (2,206,133) | (2,581,294) |
| (Kurangan) Manfaat Pekerja | | (600,595) | (983,124) |
| Tunai bersih daripada Akitiviti Operasi | | 19,239,354 | (4,509,306) |
| Pendapatan Faedah/Hibah daripada Deposit/Pembiayaan | | 4,781,005 | 8,443,712 |
| **Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi** | | 24,020,359 | 3,934,406 |
| | | | |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | | (3,351,003) | (9,321,628) |
| Pembelian Harta Tak Ketara | | 0 | 0 |
| Kutipan daripada Pelupusan Kenderaan Pejabat | | 87,560 | 0 |
| **Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan** | | (3,263,443) | (9,321,628) |
| | | | |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | 374,482,015 | 340,510,000 |
| Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Pembangunan) | | (268,204,571) | (460,678,346) |
| Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Mengurus) | | 520,358 | 370,912 |
| Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Mengurus) | | (799,510) | (291,375) |
| Penerimaan Akaun Pembangunan MIDA | | 12,500,000 | 5,000,000 |
| Pembayaran Akaun Pembangunan MIDA | | (2,773,880) | (9,281,156) |
| **Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti pembiayaan** | | 115,724,412 | (124,369,965) |
| | | | |
| **Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai** | | 136,481,328 | (129,757,187) |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari** | | 103,588,635 | 233,345,822 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember** | 3 | 240,069,963 | 103,588,635 |

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Nota: Asas penyediaan bajet dan asas penyediaan perakaunan dalam berbeza**

| Anggaran Hasil | 2018 Anggaran Asal | 2018 Anggaran Disemak | 2018 Anggaran Akhir | 2018 Hasil Sebenar | 2017 Hasil Sebenar |
|---|---|---|---|---|---|
| Peruntukan Geran Mengurus | 159,914,700 | (10,000,000) | 149,914,700 | 149,914,700 | 146,672,000 |
| Peruntukan Tambahan Mengurus | 32,769,450 | (12,769,450) | 20,000,000 | 20,000,000 | 0 |
| Pendapatan Sewaan | 800,000 | | 800,000 | 1,345,636 | 834,678 |
| Pendapatan daripada Kumpulan Wang Pembangunan | 0 | | 0 | 0 | 22,310,258 |
| Pendapatan dari Faedah Bank | 5,000,000 | | 5,000,000 | 5,159,086 | 8,879,534 |
| Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah | 40,000 | | 40,000 | 37,765 | 36,287 |
| Lain-lain Pendapatan | 2,000,000 | | 2,000,000 | 1,925,185 | 1,003,615 |
| **Jumlah Hasil** | **200,524,150** | **(22,769,450)** | **177,754,700** | **178,382,372** | **179,736,372** |

| | Peruntukan Asal 2018 RM | * Pelarasan 2018 RM | Peruntukan Akhir 2018 RM | Perbelanjaan sebenar dalam asas perbandingan 2018 RM | Varian Bajet 2018 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Perbelanjaan Operasi (Vot B)** | | | | | |
| Perbelanjaan | | | | | |
| Emolumen | 101,040,080 | - | 101,040,080 | 96,053,241 | 4,986,839 |
| Bekalan dan Perkhidmatan | 29,351,620 | 46,072,181 * | 75,423,801 | 79,435,858 | (4,012,057) |
| Aset | 500,000 | | 500,000 | 593,211 | (93,211) |
| Bayaran-Bayaran lain | 1,023,000 | - | 1,023,000 | 2,225,404 | (1,202,404) |
| Jumlah Perbelanjaan Mengurus | 131,914,700 | 46,072,181 | 177,986,881 | 178,307,714 | (320,833) |

| * **Pelarasan** | |
|---|---|
| Peruntukan Tambahan MOF | 20,000,000 |
| Peruntukan Promosi B11 MOF | 18,000,000 |
| Sumber Dalaman MIDA | 8,072,181 |
| | **46,072,181** |

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2018**

**1. Maklumat Umum**

Lembaga Pembangunan Pelaburan MalaysIa (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan melalui mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Mei 2019

**2.1 Asas Penyediaan**

**(a) Tempoh Laporan dan Entiti**

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan MIDA adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan MIDA.

**(b) Penyata Pematuhan**

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat penyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dalam penilaian dalam proses menggunakan polisi perakaunan MIDA.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting**

**Piawaian dan Interpretasi yang dikeluarkan, belum berkuatkuasa dan diterima pakai awal oleh MIDA.**

MIDA telah memilih untuk menerima pakai awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017 seperti berikut:

**MPSAS**

| | |
|---|---|
| MPSAS 1 | Pembentangan Penyata Kewangan |
| MPSAS 2 | Penyata Aliran Tunai |
| MPSAS 3 | Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| MPSAS 4 | Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing |
| MPSAS 9 | Hasil daripada Urusniaga Pertukaran |
| MPSAS 13 | Pajakan |
| MPSAS 14 | Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan |
| MPSAS 16 | Hartanah Pelaburan |
| MPSAS 17 | Hartanah, Loji dan Peralatan |
| MPSAS 19 | Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka |
| MPSAS 20 | Pendedahan Pihak Berkaitan |
| MPSAS 21 | Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai |
| MPSAS 23 | Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan) |
| MPSAS 24 | Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan |
| MPSAS 25 | Manfaat Pekerja |
| MPSAS 26 | Penjejasan Aset Menjana Tunai |
| MPSAS 28 | Instrumen Kewangan: Pembentangan |
| MPSAS 29 | Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| MPSAS 30 | Instrumen Kewangan: Pendedahan |
| MPSAS 31 | Aset Tak Ketara |
| MPSAS 33 | Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan |

MIDA menjangkakan bahawa penggunaan MPSAS berikut tidak akan memberi sebarang kesan material ke atas tempoh semasa dan mungkin tidak memberi kesan kepada tempoh masa hadapan.

| | |
|---|---|
| MPSAS 5 | Kos Pinjaman |
| MPSAS 6 | Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan |
| MPSAS 7 | Pelaburan dalam Entiti Bersekutu |
| MPSAS 8 | Kepentingan dalam Usaha Sama |
| MPSAS 11 | Kontrak Pembinaan |
| MPSAS 12 | Inventori |
| MPSAS 22 | Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan |
| MPSAS 27 | Pertanian |
| MPSAS 32 | Aturan Konsesi Perkhidmatan: Penjamin |
| MPSAS 34 | Penyata Kewangan Berasingan |
| MPSAS 35 | Penyata Kewangan Disatukan |
| MPSAS 36 | Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama |
| MPSAS 37 | Aturan Bersama |
| MPSAS 38 | Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

**a) Pengiktirafan hasil**

**Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

Penerimaan hasil

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset (tunai) jika pindahan itu adalah bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan dijana kepada MIDA dan boleh diukur dengan pasti.

**Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

Pendapatan faedah
Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Pendapatan sewa
Pendapatan sewa yang diterima daripada pajakan operasi ke atas pelaburan hartanah diambil kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan dimasukkan sebagai hasil.

**b) Hartanah Pelaburan**

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan kekal dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh MIDA.

Hartanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tiada susutnilai pada pelaburan hartanah kerana ianya adalah tanah pegangan bebas.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada jumlah dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada hartanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

Hartanah pelaburan tidak dimasukkan sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi atau perkhidmatan potensi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau defisit dimasukkan dalam keuntungan/(kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada hartanah pelaburan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**2.2 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)**

**c) Hartanah, loji dan peralatan**

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai penjejasan terkumpul kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam perlaksanaan. susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya hartanah , loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% setahun |
| Pengubahsuaian | 20% setahun |
| Kenderaan | 20% setahun |
| Komputer, peralatan dan perisian | 20% setahun |
| Peralatan pejabat | 10% setahun |

Nilai baki aset dan hayat berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item hartanah, loji dan peralatan dan / atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**2.2 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)**

**d) Pajakan**

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajak menyewakan kepada penerima pajak untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

Pajakan operasi - MIDA sebagai pemajak
Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) adalah dicaj kepada lebihan atau defisit pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan operasi - MIDA sebagai pemberi pemajak
Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

**e) Aset Tak Ketara - Perisian Komputer dan Sistem**

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

(i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
(ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
(iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;
(iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;
(v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak ketara tersebut; dan
(vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhed yang relevan.

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**2.2 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)**

**f) Penjejasan aset bukan kewangan**

Penjejasan aset janaan tunai
Pada setiap tarikh pelaporan, MIDA menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain MIDA.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Penjejasan aset janaan tunai
Kerugian penjejasan dalam operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori belanja yang sesuai dengan keadaan aset yang terjejas.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Kemerosotan nilai aset yang menjana bukan tunai
MIDA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

